Ya Allah, pelihara, lindungi, jauhi dan selamatkanlah apalah kiranya diri kami ini, zuriat keturunan kami, ahli keluarga kami, rakyat negeri Johor Darul Ta'zim khususnya dan rakyat Malaysia seluruhnya, umat Islam di mana sahaja mereka berada, daripada apa jua bala dan bencana, wabak dan penyakit, segala kemudaratan, kesusahan dan keburukan terutama wabak Covid-19. Ya Allah, kurniakanlah keafiatan, kekuatan, kesabaran, kecekalan, perlindungan dan keselamatan kepada para petugas barisan hadapan dalam menangani wabak ini walau di mana mereka bertugas. Ya Allah, Sembuhkanlah apa kiranya mereka yang telah dijangkiti wabak Covid-19. Ya Allah, cucuri rahmat dan keampunan-Mu kepada mereka yang telah meninggal dunia akibat jangkitan wabak Covid-19 ini. Kami juga memohon ke hadirat-Mu semoga

wabak yang mengancam kehidupan kami segera berakhir dan dilenyapkan di atas muka bumi ini.

تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ، وَاعْتَصَمْنَا بِذِي الْمُلْكِ
وَالْمَلَكُوتِ، وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ، اللَّهُمَّ اصْرِفْ
عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى، وَنَجِّنَا مِنَ الطَّعْنِ
وَالطَّاعُونِ وَالْبَلَاءِ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ. يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،

أَمَانٌ مِنَ الطَّعْنِ. مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، فِي طَعْنِ الطَّاعُونِ،
حَيٌّ صَمَدٌ بَاقِي، وَلَهُ كَنْفٌ وَاقِي، سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْخَلَّاقِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَعَنْ فِرْمَائِسُورِي جَوْهَرِ،
وَعَنِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْبَلَاءَ
وَالْوَبَاءَ وَالْأَمْرَاضَ وَالْأَسْقَامَ وَالْحَسَدَ وَالْعُدْوَانَ وَالْغَفْلَةَ
وَالنِّسْيَانَ وَأَزِلْ عَنَّا وَعَنْهُمْ الشُّكُوكَ وَالظُّنُونَ وَالْأَوْهَامَ
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ
الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

يَا أَمَانَ الْخَائِفِينَ أَمِنَّا مِمَّا نَخَافُ، يَا أَمَانَ الْخَائِفِينَ ،
سَلِّمْنَا مِمَّا نَخَافُ، يَا أَمَانَ الْخَائِفِينَ، نَجِّنَا مِمَّا نَخَافُ
رَبَّنَا إِنِّي أَتَانِي أَلْذُنُوبَ حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

c) **Membaca Al-Quran**

Allah SWT telah menurunkan Al-Quran dalam bulan ramadhan sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 185 :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ
الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya : “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...”.

Oleh yang demikian, begitulah dekat hubungan antara ramadhan dan Al-Quran. Atas dasar itu, membudayakan bacaan Al-Quran dalam bulan ramadhan amat bertepatan dan dikira sebagai ganjaran yang berlipat kali ganda. Allah menegaskan bahawa orang membaca Al-Quran adalah orang yang tidak akan rugi.

Firman Allah dalam Surah Fathir ayat 29 :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.”

Sabda Nabi SAW :

عن أبي أمامة الباهلي : اقْرؤوا القرآن فإنه يأتي يوم القيامة شفيعاً لأصحابه ...

Mafhumnya : *“Bacalah kamu akan Al-Quran, Sesungguhnya Al-Quran yang kamu baca itu akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada kamu ...”*

(Riwayat Imam Muslim : 104 / Hadis Sahih)

Hadis ini memberi motivasi kepada kita untuk sentiasa membaca Al-Quran kerana Al-Quran yang dibaca akan memberi syafaat kepada mereka yang membacanya.

Justeru, tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang disebabkan oleh penularan Covid-19 menyebabkan setiap orang perlu menghabiskan masa di rumah maka marilah kita sama-sama menggunakan peluang ini khususnya di bulan ramadhan yang mulia dengan perbanyakkan membaca Al-Quran dan cuba untuk mengkhatamkannya lebih daripada sekali dalam sebulan.

d) **Berzikir mengingati Allah**

Allah SWT berfirman dalam Al-Ahzab ayat 41 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Maksudnya : *“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah Dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.”*

Allah SWT menyeru umat Islam untuk mengingati Allah setiap masa dan ketika bagi memperkukuh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Dengan berzikir hati dan jiwa manusia akan menjadi tenang lebih-lebih lagi dalam situasi umat Islam di Malaysia berhadapan dengan kebimbangan penularan wabak. Ini difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Ar-Ra'd ayat 24 :

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ

الْقُلُوبُ ﴿٢٤﴾

Maksudnya : "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka Dengan zikrullah". ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Lidah yang dibasahi dengan zikrullah akan memberi ketenangan kepada hati yang bimbang. Justeru, perbanyakkan berzikir mengingati Allah di mana jua kita berada agar keberkatan zikir itu akan menjadi asbab turunnya rahmat Allah kepada manusia. Antara amalan zikir yang dianjurkan oleh Imam Al-Ghazali sebagai Zikir Harian sebanyak 1000 kali setiap hari sebagaimana berikut :

Hari Jumaat	يَا اللَّهُ
Hari Sabtu	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
Hari Ahad	يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ
Hari Isnin	لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ
Hari Selasa	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ
Hari Rabu	أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
Hari Khamis	سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَيَحْمَدُهُ

e) Zakat Fitrah

Zakat Fitrah merupakan kewajiban fardhu ain ke atas setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan, tidak kira besar atau kecil dan merdeka atau hamba. Zakat Fitrah difardhukan pada tahun kedua hijriah iaitu pada tahun yang sama difardhukan kewajiban puasa Ramadhan. Kewajipan yang dilaksanakan di bulan Ramadhan ini bertujuan membersihkan dan menyucikan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan seterusnya bayaran fitrah tersebut dapat digunakan untuk membantu fakir dan miskin membuat persiapan menyambut Hari Raya

Firman Allah SWT surah Al-Baqarah ayat 110 :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya : “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

Sabda Nabi SAW :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ، صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، عَلَى كُلِّ حُرٍّ، أَوْ عَبْدٍ، ذَكَرٍ، أَوْ أُنْثَى، مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Mafrumnya : “Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah di bulan ramadhan kepada semua orang Islam satu (صاع) kadar daripada kurma atau gandum (yang wajib dikeluarkan) yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan bagi setiap orang Islam”

(Riwayat Muslim : 984 / Hadis Sahih)

Oleh yang demikian, menjadi satu kewajipan kepada semua umat Islam untuk menunaikan tanggungjawab membayar zakat fitrah di mana jua mereka berada. Umat Islam disunatkan membayar zakat fitrah di mana tempat mereka mencari rezeki.

Batas waktu pembayaran Zakat Fitrah diharuskan sepanjang bulan ramadhan bermula daripada 1 ramadhan hingga akhir ramadhan. Manakala waktu wajib adalah menyempurnakan zakat fitrah bermula daripada tenggelamnya matahari pada hari akhir Ramadan dan waktu afdhal adalah selepas solat Subuh pada hari akhir Ramadhan sehingga sebelum mengerjakan sembahyang sunat Aidil Fitri.

Dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan dan mengawal penularan Covid-19 ini, penjagaan terhadap keselamatan umat Islam dan amil menjadi keutamaan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Justeru, Majlis Agama Islam Negeri telah membuat ketetapan agar pembayaran zakat fitrah bulan ramadhan bagi tahun 1441 Hijriah hendaklah melalui :

- i. Sistem Perbankan Internet (Online Banking)
- ii. Amil yang bertauliah (melalui prosedur keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia)

Majlis Agama Islam Negeri Johor memohon kerjasama semua umat Islam di negeri Johor untuk memberi kerjasama dan patuh kepada prosedur yang ditetapkan bagi pembayaran melalui Amil yang bertauliah. Umat Islam di negeri Johor boleh merujuk sebarang persoalan berkaitan zakat fitrah kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor di setiap daerah untuk maklumat selanjutnya.

f) **Sedekah**

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 261 :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ

عَلِيمٌ

Maksudnya : “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya.*”

Sedekah adalah amalan mulia dan sangat digalakkan umat Islam mengamalkannya. Sedekah dapat memupuk ukhuwah dan persaudaraan pada masa yang sama sedekah juga dapat memberi keinsafan kepada diri manusia. Lebih-lebih lagi di saat kita masih mampu makan dan minum, pastinya di luar sana ada orang lain yang berada dalam keadaan serba kekurangan dan lebih memerlukannya.

Bulan Ramadhan yang menjelma adalah peluang besar kepada umat Islam untuk meraih ganjaran besar yang disediakan Allah bagi orang yang bersedekah.

Rasulullah SAW bersabda :

عن أنس بن مالك : سئل النبي ﷺ أيُّ الصَّومِ
أفضلُ بعدَ رمضانَ قالَ شعبانُ لتعظيمِ رمضانَ قالَ فأَيُّ
الصَّدَقَةِ أفضلُ قالَ صدقةٌ في رمضانَ

Mafhumnya : “Nabi SAW telah ditanya Puasa apakah yang lebih baik daripada ramadhan. Nabi berkata : Bulan Syaaban kerana mengagungkan ramadhan. Kemudian Nabi SAW ditanya lagi : Sedekah apa yang paling afdhal ? maka Nabi SAW menjawab : Sedekah pada bulan ramadhan.”

(Riwayat At-Tirmizi : 663 / Al-Baihaqi : 8780)

Situasi wabak yang sedang melanda, memberikan kesan kepada ekonomi masyarakat. Hal ini menyebabkan ramai yang memerlukan bantuan. Justeru, sedekah yang dihulurkan khususnya dalam bulan ramadhan mampu meringankan beban ramai orang yang memerlukan. Namun, bagi memastikan aktiviti sedekah tidak menyebabkan penularan wabak ini, maka semua pihak perlu memastikan langkah-langkah keselamatan diutamakan dan diberi perhatian. Jika sedekah dalam bentuk barangan, maka cukuplah yang menyampaikan sedekah seorang atau dua orang, tidak perlu beramai-ramai. Pakailah penutup muka dan sarung tangan bagi memastikan tiada sentuhan yang boleh menyebabkan penularan.

g) Memberi Makan Orang Yang Berpuasa

Umat Islam di Malaysia umumnya dan di negeri Johor khususnya terkenal dengan budaya menjamu makanan atau memberi makan terutamanya dalam bulan ramadhan. Budaya ini sewajarnya diteruskan kerana ianya menjadi salah satu sunnah Nabi SAW dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Sabda Nabi SAW :

عن زيد بن خالد الجهني : من فطر صائماً كان له مثل أجره، غير أنه لا ينقص من أجر الصائم شيئاً

Maksudnya : "Sesiapa yang memberi makan orang yang berpuasa maka baginya pahala sebagaimana orang yang berpuasa tanpa sedikit pun mengurangi pahala orang yang berpuasa."

(Riwayat At-Tirmizi : 807 / Hadis Hassan Sahih)

Sabda Nabi SAW yang lain :

عن أم عمارة بنت كعب الأنصارية :
إِنَّ الصَّائِمَ إِذَا أَكَلَ عِنْدَهُ لَمْ تَزَلْ تَصَلِّي عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ حَتَّى يُفْرَغَ مِنْ طَعَامِهِ

Matlumnya : Sesungguhnya orang yang berpuasa apabila makan bersamanya orang berpuasa yang lain, maka sentiasalah para malaikat mengucap selawat ke atasnya sehingga selesai daripada makannya."

(AsSayuti dalam Kitab Al-Jami' As-Saghir : 2032 / Hadis Sahih)

Namun, untuk amalan dan budaya yang baik ini, Umat Islam perlu mengambil kira langkah-langkah keselamatan khususnya di saat negara sedang dalam cabaran menangani penularan wabak.

Antaranya :

- i. Memastikan kebersihan makanan dan peralatan yang digunakan.
- ii. Menjaga jarak sosial (1 meter)
- iii. Tidak mengadakan jamuan secara berkumpulan di rumah atau mana-mana premis.
- iv. Menggunakan penutup mulut dan sarung tangan
- v. Tidak bersalaman atau bersentuhan

h) Membaca Asmaul Husna, Selawat Dan Doa

Membaca Asmaul Husna, berselawat dan berdoa merupakan amalan yang baik khususnya di bulan ramadhan. Menyebut nama-nama Allah dan berselawat banyak kelebihan dan mendapat ganjaran bahkan menjadi sebab turunnya rahmat Allah SWT.

Doa merupakan senjata orang yang beriman. Di saat kita menghadapi ujian wabak Covid-19, maka saat inilah umat Islam perlu bersatu hati bermunajat dan berdoa memohon kepada Allah SWT agar penularan wabak ini segera berakhir.

Justeru, bersama ini dilampirkan Asmaul Husna, beberapa jenis selawat dan doa untuk diamalkan khususnya di bulan ramadhan ini.

Asmaul Husna

نَسَأَلُكَ يَا مَنْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ الْمَلِكُ
الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيِّمُنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ الْخَالِقُ
الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ الْغَفَّارُ الْقَهَّارُ الْوَهَّابُ الرَّزَّاقُ الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ الْقَابِضُ
الْبَاسِطُ الْخَافِضُ الرَّافِعُ الْمُعِزُّ الْمُنِذِرُ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ الْحَكَمُ الْعَدْلُ
اللطيفُ الْخَبِيرُ الْحَلِيمُ الْعَظِيمُ الْغَفُورُ الشَّكُورُ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ الْحَفِيفُ
الْمُقْتِنُ الْحَسِيبُ الْجَلِيلُ الْكَرِيمُ الرَّقِيبُ الْمُجِيبُ الْوَاسِعُ الْحَكِيمُ
الْوَدُودُ الْمَجِيدُ الْبَاعِثُ الشَّهِيدُ الْحَقُّ الْوَكِيلُ الْقَوِيُّ الْمَتِينُ الْوَلِيُّ
الْحَمِيدُ الْمُحْصِي الْمُبْدِئُ الْمُعِيدُ الْمُحْيِي الْمُمِيتُ الْحَيُّ الْقَيُّومُ
الْوَاحِدُ الْمَاجِدُ الْوَاحِدُ الْأَحَدُ الصَّمَدُ الْقَادِرُ الْمُقْتَدِرُ الْمُقَدِّمُ الْمُؤَخَّرُ
الْأَوَّلُ الْآخِرُ الظَّاهِرُ الْبَاطِنُ الْوَالِيُّ الْمُتَعَالِيُّ الْبُرُّ التَّوَّابُ الْمُنتَقِمُ الْعَفُو
الرَّءُوفُ مَالِكُ الْمُلْكِ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ الْمُقْسِطُ الْجَامِعُ الْغَنِيُّ
الْمُغْنِي الْمَنَاعُ الضَّارُّ النَّافِعُ النُّورُ الْهَادِيُّ الْبَدِيعُ الْبَاقِيُّ الْوَارِثُ الرَّشِيدُ
الصَّبُورُ الَّذِي لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
أَفْضَلَ صَلَاةٍ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ كَلِمَاتِكَ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَن
ذِكْرِكَ الْغَافِلُونَ.

Selawat Kamilah

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي
تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ وَتَنْفِرُجُ بِهِ الْكُرْبُ وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ وَتُنَالُ بِهِ
الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Maksudnya: “Ya Allah, berilah selawat yang sempurna dan berilah salam yang sempurna kepada Sayyidina Muhammad SAW, dengannya terlepas segala ikatan, hilang lenyap segala kesedihan, dipenuhi segala hajat, tercapai segala kesenangan, semuanya diakhiri dengan kebaikan, hujan diturunkan berkat diri Baginda SAW yang mulia dan juga ke atas semua ahli keluarganya dan para sahabatnya dalam setiap kerdipan mata dan hembusan nafas sebanyak hitungan yang ada dalam pengetahuan-Mu Ya Allah.”

Selawat Tibb

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا وَعَافِيَةِ الْأَبْدَانِ
وَشِفَائِهَا . وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا . وَقُوَّتِ الْأَرْوَاحِ وَغِدَائِهَا . وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Maksudnya : “Ya Allah, berilah rahmat ke atas Baginda Nabi Muhammad SAW yang menjadi ubat hati dan penawarnya dan yang dapat menyihatkan dan menyembuhkan tubuh badan juga merupakan cahaya dan sinar penglihatan juga menguatkan dan menyihatkan ruh begitu juga semoga Engkau berikan kepada ahli keluarga dan sahabat Baginda.”

Qunut Nazilah Lengkap

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَسْتَهْدِيكَ وَنُؤْمِنُ بِكَ وَتَوَكَّلُ عَلَيْكَ
وَنُثْنِي عَلَيْكَ الْخَيْرَ كُلَّهُ، نَشْكُرُكَ وَلَا نَكْفُرُكَ، وَنَخْلَعُ وَنَتْرُكُ مَنْ يَفْجُرُكَ،
اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَلَكَ نُصَلِّي وَنَسْجُدُ إِلَيْكَ نَسْعَى وَنَحْفِدُ، نَرْجُو رَحْمَتَكَ
وَنَخْشَى عَذَابَكَ، إِنَّ عَذَابَكَ الْجِدِّ بِالْكَفَّارِ مُلْحِقٌ، اللَّهُمَّ احْفَظْنَا
وَالْمُسْلِمِينَ، وَقِنَا وَإِيَاهُمْ شَرَّ الْمَخَافِيفِ أَجْمَعِينَ، وَاحْفَظْنَا مِنَ الْفِتَنِ
وَالْوَبَاءِ وَشُرُورِ الْغَوَاغَاءِ وَصَوْلَةِ الظَّالِمِينَ، وَاجْعَلْنَا مِنْ شَرِّ مَا قَضَيْتَهُ
سَالِمِينَ، اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْقَحْطَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَجَمِيعَ أَنْوَاعِ الْبَلَاءِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Qunut Nazilah Ringkas

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Doa Yassin

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اَللَّهُمَّ بِحَقِّ يَسْ، وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ، وَبِمَنْ أَخْتَرْتَهُ بِالرِّسَالَةِ وَالنُّبُوءَةِ
وَالْوَلَايَةِ وَالْهُدَايَةِ إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ، وَبِجَمِيعِ مَا جَاءَ بِهِ مِنْكَ
جِبْرِيلُ تَنْزِيلَ الْعَزِيْزِ الرَّحِيْمِ، وَبِخَوَاصِّ الْحُرُوفِ وَالْأَسْمَاءِ التَّامَّاتِ
وَبِمَا أَظْهَرْتَ فِي الْوُجُودِ لِكُلِّ مَوْجُودٍ مِنْ آيَاتِ الْبَيِّنَاتِ، وَبِخَفِيِّ
لُطْفِكَ الْمَفْرَجِ عَنْ كُلِّ مَهْمُومٍ، اَلْمُخْلِصِ لِكُلِّ مَدْيُونٍ، يَا مُجْرِي الْبِحَارِ
وَالْعُيُونِ، يَا مَنْ جَعَلَ خَزَائِنَهُ بَيْنَ الْكَافِ وَالنُّونِ، وَعَلِمَ بِمَا كَانَ قَبْلَ
أَنْ يَكُونَ، وَنَسَأَلُكَ اَللَّهُمَّ أَنْ تَسْلُكَ بِنَا جَادَةَ رِضَاكَ وَأَنْ تَجْعَلَنَا أَهْلًا
وَمَحَلًّا لِسَعَادَتِكَ وَغِنَاكَ، وَأَنْ تُبَسِّرَ لَنَا جَمِيعَ الْمُرَادَاتِ وَالْمَطَالِبِ،
وَأَنْ تَجْعَلَ كُلًّا مِنَّا بَيْنَ عِبَادِكَ فِي كُلِّ حَالِ الظَّافِرِ الْغَالِبِ، وَأَنْ لَا
تُحَوِّجَ أَحَدًا مِنَّا إِلَى أَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ فِي أَمْرِ رِزْقِهِ، وَأَنْ تَرْبِطَ عَلَيَّ اَلْسِنَةَ
الْمُتَفَوِّهِينَ بِالْمَكْرُوهِ فِي حَقِّهِ، وَأَنْ تَقْتَرِنَ حَرَكَاتِنَا بِالتَّوْفِيقِ، وَأَنْ تَجْعَلَ

رِضَاكَ عَنَّا خَيْرٌ مُصَاحِبٍ لَنَا وَرَفِيقٍ، وَأَنْ تُتَحِفَنَا بِالْجَلَالَةِ وَالْمَهَابَةِ،
وَأَنْ تَمُنَّ عَلَيْنَا بِسُرْعَةِ الْإِجَابَةِ،
اسْتَجِبِ اللَّهُمَّ دُعَاءَنَا وَحَقِّقْ فِيكَ رَجَاءَنَا وَأَدْخِلْنَا فِي حِرْزِ لُطْفِكَ
الْمُصُونِ بِسِرِّ قَوْلِكَ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ
سُبْحَانَ الْمُنْفِسِ عَنْ كُلِّ مَهْمُومٍ، سُبْحَانَ الْمُنْفِسِ عَنْ كُلِّ مَغْمُومٍ،
سُبْحَانَ الْمُنْفِسِ عَنْ كُلِّ مَدْيُونٍ، سُبْحَانَ مَنْ أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ
يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ، يَا مُفَرِّجَ الْهُمُومِ، يَا مُفَرِّجَ فَرَجِ (2 كالي) فَرَجِ عَنَّا
هُمُومَنَا يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ،

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ

Doa Perlindungan Daripada Bala' Dan Wabak

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
إِلَهِنَا، إِلَهِنَا، إِلَهِنَا. الْأَمَان، الْأَمَان، الْأَمَان.

السَّلَامَةَ، السَّلَامَةَ، السَّلَامَةَ لَنَا وَأُسْرَتِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا، وَسُكَّانِ مَالِيزِيَا،
وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، أَيُّنَمَا كَانُوا وَالنَّاسِ
فِي الْعَالَمِ كُلِّهِمْ مِنَ الْوَبَاءِ وَالْبَلَاءِ وَالْأَمْرَاضِ وَسَيِّئِ الْأَسْقَامِ وَالطَّعْنِ
وَالطَّاعُونِ وَالْمُصِيبَةِ وَالْأَذَى وَالسُّوءِ وَخَاصَّةً كوفيد 19.

اللَّهُمَّ تَحَصَّنَا بِذِي الْمُلْكِ وَالْمَلَكُوتِ، وَاعْتَصَمْنَا بِالْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ،
وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْمَلِكِ الْحَيِّ الْقَيُّومِ الْحَلِيمِ الَّذِي لَا يَنَامُ وَلَا يَمُوتُ، دَخَلْنَا
فِي حِرْزِ اللَّهِ، وَدَخَلْنَا فِي حِفْظِ اللَّهِ، وَدَخَلْنَا فِي أَمَانِ اللَّهِ، بِحَقِّ
كَهَيْعِصِ كُفَيْنَا، حَمِ عَسَقِ حُمَيْنَا، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ
الْعَظِيمِ.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ يَا اللَّهَ، يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ يَا رَحْمَنَ، يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ يَا
رَحِيمَ.

Maksudnya:

“Ya Allah wahai Tuhan Kami, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, Yang Maha Penyayang, Yang Maha Mendengar segala rayuan hamba-hamba-Nya, lagi Maha Menerima akan segala doa dan permohonan.

Ya Allah, pelihara, lindungi, jauhi dan selamatkanlah apalah kiranya diri kami ini, zuriat keturunan kami, ahli keluarga kami, rakyat negeri Johor Darul Ta'zim khususnya dan rakyat Malaysia seluruhnya, umat Islam di mana sahaja mereka berada, daripada apa jua bala dan bencana, wabak dan penyakit, segala kemudaratan, kesusahan dan keburukan terutama wabak Covid-19. Ya Allah, kurniakanlah keafiatan, kekuatan, kesabaran, kecekalan, perlindungan dan keselamatan kepada para petugas barisan hadapan dalam menangani wabak ini walau di mana mereka bertugas Ya Allah, Sembuhkanlah apa kiranya mereka yang telah dijangkiti wabak Covid-19. Ya Allah, cucuri rahmat dan keampunan-Mu kepada mereka yang telah meninggal dunia akibat jangkitan wabak Covid-19 ini. Kami juga memohon ke hadirat-Mu semoga wabak yang mengancam kehidupan kami segera berakhir dan dilenyapkan di atas muka bumi ini.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Kami berlindung dengan-Mu ya Allah, Yang Mempunyai Pemerintahan dan Kerajaan, Yang Mempunyai Kemuliaan dan Keperkasaan, serta kami bertawakal kepada-Mu ya Allah yang tetap hidup, Yang Kekal buat selama-lamanya lagi Maha Penyantun, tetap Jaga tidak Tidur dan Tetap Hidup serta Tidak Mati buat selama-lamanya.

Ya Allah, kami berada dalam perlindungan-Mu, kami berada dalam pemeliharaan-Mu, kamu berada dalam keamanan-Mu, dengan hak kebenaran dan mukjizah kalam dan firman-Mu: (كهيعص)
cukuplah Allah yang memelihara dan menjaga kami, (حم عسق)
cukuplah Allah yang menaungi, membantu dan membentengi akan kami semua. Sesungguhnya kami tidak ada daya upaya dan tidak ada kekuatan kecuali dengan izin-Mu ya Allah, Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

رَبَّنَا إِنَّا أِتَّخَفْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ

Doa Dijauhi Daripada Wabak Penyakit

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُبِكَ مِنَ الطَّعْنِ وَالطَّاعُوْنَ وَمِنْ هُجُوْمِ الْبَلَاءِ، وَمِنْ مَوْتِ
الْفَجَاةِ، وَمِنْ سَعْرَةِ الْحُمَى، وَمِنْ سُوءِ الْقَضَاءِ، وَمِنْ شَرِّ الْبَلَاءِ،
وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ دَرَكِ الشَّقَاءِ وَشَمَاتَةِ الْاَعْدَاءِ، يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَ الْاِكْرَامِ. رَبَّنَا اكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ، اِنَّا مُؤْمِنُوْنَ، رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا
عَذَابَ جَهَنَّمَ، اِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا. رَبَّنَا ظَلَمْنَا اَنْفُسَنَا وَاِنْ لَمْ تَغْفِرْ
لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُوْنَنَّ مِنَ الْخٰسِرِيْنَ، بِرَحْمَتِكَ يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ، يَا اللّٰهُ، يَا
حَفِيْظُ، يَا اللّٰهُ، يَا رَفِيْعُ. وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ.

Doa Tolak Bala'

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ يَا اللّٰهُ، يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ يَا رَحْمٰنُ، يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ يَا
رَحِيْمُ، اِدْفَعْ عَنَّا كُلَّ بَلَاءٍ الدُّنْيَا وَبَلَاءِ الْاٰخِرَةِ وَشَرِّ الدُّنْيَا وَشَرِّ الْاٰخِرَةِ،
وَمِنْ عَدُوٍّ مِنْ الْاِنْسِ وَالْجِنِّ وَمِنْ الشَّيْطٰنِ وَاِبْلِيسَ، وَمَا يَطِيْرُ فِي
الْهَوَاءِ وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمٰوٰتِ وَمَا يَخْرُجُ مِنَ الْاَرْضِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ
الرَّاحِمِيْنَ، وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ.